

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** COLGIS - Pusat Pengajian Kerajaan  
**Sent:** Sunday, October 14, 2018 2:46 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUMstudentgroup  
**Cc:** Prof. Madya Dr. Zaheruddin Bin Othman; Dr. Ahmad Zubir bin Ibrahim; Mohammad Fadzil Bin Din  
**Subject:** LAWATAN DAN PROGRAM MOBILITI UMY DI PUSAT PENGAJIAN KERAJAAN



**Pusat Pengajian Kerajaan**  
SCHOOL OF GOVERNMENT  
**Universiti Utara Malaysia**

**14 OKTOBER 2018/ 05 SAFAR 1440H**

=====

**"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"**  
**(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBhg. Datuk/Dato/Datin/YBrs. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan



**SOG ONLINE:** Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) telah menerima lawatan daripada delegasi Universitas Muhammadiyah Yogyakarta (UMY) Indonesia, pada 1 – 4 Oktober 2018 yang lepas. Tujuan lawatan adalah bagi membincangkan program-program yang bakal diadakan selaras dengan MoU antara kedua-dua pihak yang telah ditandatangani pada Februari 2018 yang lepas.

Delegasi UMY seramai lima (5) orang pensyarah dan seorang pelajar itu diketuai oleh Dekan Fakultas Sains Politik UMY iaitu Erni Zuhriyati, S.IP.,M.Si, dan turut serta Prof. Dr. Eko Priyo Purnomo, M.Res., M.Si., Dr. Titin Purwaningsih, M.Si dan Husni Amriyanto Putra, M.Si. telah disambut oleh Dekan SOG, Prof. Madya Dr. Zaheruddin Othman dan para penjawat SOG.

Antara intipati utama perbincangan adalah program mobiliti (inbound & outbound) yang telah diadakan sejak sekian lama, disamping program penyelidikan, perundingan dan penerbitan melibatkan kedua-dua pihak.

Prof. Dr. Eko Priyo Purnomo juga turut diberi kesempatan untuk menyampaikan kuliah umum dan perkongsian maklumat bersama para pensyarah SOG. Disamping itu, seorang pelajar Sarjana Pentadbiran Awam dari UMY iaitu Helen Dian Friyadani turut melakukan program mobiliti di SOG selama dua minggu bermula 1 Oktober hingga 13 Oktober 2018.

Habis.

Sekian, terima kasih.

=====

**Daripada:**

**Pusat Pengajian Kerajaan**

**UUM College of Law, Government & International Studies**

**Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia**



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.